

27 OCT 1998

Mahathir-Polis

POLIS TIDAK MEMBANGKITKAN KEMARAHAAN PERUSUH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan yang polis membangkitkan kemarahan perusuh di Kampung Baru pada Sabtu lepas sehingga menyebabkan mereka menganas.

Beliau mempersoalkan mengapa perusuh-perusuh itu membawa bersama mereka minyak petrol, molotov cocktails (bom petrol), batu dan objek-objek tajam.

"Adalah jelas mereka mahu dihasut supaya mempunyai alasan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian di persidangan berita selepas merasmikan pameran Heli-Asia '98 di Pusat Pameran Antarabangsa dan Konvensyen Mines di Sungai Besi, di sini.

Isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mendakwa yang rusuhan di Kampung Baru oleh penyokong-penyokong suaminya Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah kerana polis membangkitkan kemarahan mereka yang datang untuk mengadakan demonstrasi.

Mengenai permintaan penduduk Kampung Baru supaya polis bertindak tegas terhadap mereka yang terbabit dalam demonstrasi, Dr Mahathir berkata: "+Tegas+ itu bukan bermaksud memukul orang."

Mengenai kenyataan pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein semalam yang siri demonstrasi anti kerajaan sejak kebelakangan ini di ibu negara bertujuan melengahkan perbicaraan Anwar, Dr Mahathir berkata Hishammuddin mungkin mempunyai bukti mengenainya.

"Adalah jelas demonstrasi itu mirip kepada demonstrasi di Indonesia. Sudah pasti mereka mahu ia lebih ganas daripada apa yang berlaku di Indonesia.

"Mereka mahukan ia berterusan supaya kerajaan boleh digulingkan."

"Yang paling penting ialah apabila kerajaan digulingkan tiada lagi perbicaraan bagi bekas Timbalan Perdana Menteri dan beliau akan dibebaskan begitu sahaja," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, demonstrasi perlu dihentikan segera supaya orang ramai tidak melecur ataupun terbunuh.

"Mereka sudahpun mula menasihatkan orang ramai supaya membawa minyak tanah, petrol dan juga ada kalanya molotov cocktail," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, orang-orang terbabit dalam demonstrasi ini mendapat ilham daripada apa yang berlaku di negara lain untuk mengubah ciri dan tradisi di Malaysia dalam mencapai objektif mereka.

Ditanya sama ada tindakan keras akan diambil terhadap mereka yang terbabit dalam demonstrasi, beliau berkata: "Saya tidak tahu apa yang anda maksudkan dengan tindakan keras, jika maksudnya memukul mereka di kepala ataupun seperti itu, kita tidak berniat berbuat demikian."

Perdana Menteri berkata, polis tidak berniat memukul orang.

Ditanya mengenai pertemuan beliau dengan Menteri-menteri Besar di sini, malam semalam, Dr Mahathir berkata ia hanya bagi bertukar maklumat mengenai apa yang berlaku.

-- BERNAMA

AFY AZZ PR